

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

34. Pembangunan di Lot 9014 dan 9015 Mukim 13 Sungai Dua oleh Kementerian Dalam Negeri untuk pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang berserta kuarters untuk kakitangan.
- (a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk projek pembangunan melibatkan perkampungan setinggan?
 - (b) Apakah bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam projek ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

34. Lot 9014 dan Lot 9015, Mukim 13, Daerah Timur Laut didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi yang akan menggunakan/membangunkan tanah berkenaan manakala Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (JKPTGPP) bertindak sebagai jabatan yang mengawal selia tanah-tanah berkenaan.

(a) Polisi Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan yang melibatkan penduduk setinggan di atas tanah Kerajaan Negeri diuruskan berdasarkan Dasar Pengurusan Setinggan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan pada 21 Oktober 2009 sebagai panduan kepada agensi Kerajaan dalam memastikan penduduk setinggan (yang berada di atas tanah Kerajaan secara tidak sah) diberi keutamaan untuk projek-projek pembangunan semula. Selain itu, ia juga boleh dijadikan panduan oleh pemaju persendirian dalam menguruskan rumah mampu milik kepada penduduk setinggan yang terbabit bagi pembangunan semula tanah persendirian yang diuruskan oleh pemaju projek atau tuan tanah tersebut. Secara ringkasnya, penduduk setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan, bayaran pampasan adalah berdasarkan Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggan Terlibat Projek Kerajaan. Manakala bagi pendudukan secara tidak sah di atas tanah persendirian pula, tuan tanah bebas untuk membuat keputusan tawaran pampasan. Pengurusan setinggan di atas kedua-dua lot yang dirujuk iaitu Lot 9014 dan Lot 9015 Mukim 13 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telahpun diuruskan berdasarkan kepada Garis Panduan Penduduk Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(b) Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui PDRM telah wujud sejak tanah-tanah tersebut terlibat dengan pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen serta pertukaran tanah-tanah sekeliling bagi pembesaran tapak Pesta Pulau Pinang. Jalinan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh dilihat melalui agihan bayaran ex-gratia sebanyak RM931,600.00 yang dibayar oleh Kerajaan Negeri dan RM1,459,500.00 oleh Kerajaan Persekutuan. Memandangkan kedua-dua lot yang dirujuk merupakan tanah yang didaftarkan atas nama PTP, JKPTGPP akan mengetuai proses pengosongan tapak dengan dibantu Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) serta beberapa jabatan/agensi lain yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya. Satu mesyuarat yang dipengerusikan Pegawai Daerah Timur Laut dengan disertai JKPTGPP, PTG, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Bahagian Pembangunan KDN dan Jabatan Sumber Dan Teknologi PDRM Bukit Aman telah diadakan pada 6 Mac 2020 lalu bagi menyelaras pelan tindakan

untuk mengosongkan kedua-dua lot ini selaras dengan Garis Panduan Penduduk Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. JKPTGPP ketika ini sedang memuktamadkan maklumat bancian di tapak untuk menyediakan kertas pertimbangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri.